

UNTUK EDARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KEPUTUSAN TAWARAN BAGI KEMASUKAN KE TINGKATAN
ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2021**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa keputusan tawaran bagi kemasukan ke Tingkatan Enam tahun 2021 akan diumumkan pada **5 Julai 2021**.

Murid lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2020 boleh membuat semakan keputusan tawaran dan pendaftaran kemasukan ke Tingkatan Enam tahun 2021 mulai **5 hingga 15 Julai 2021** melalui kaedah berikut:

- i. secara dalam talian menerusi Portal Aplikasi dalam Talian Tingkatan Enam di pautan <https://sst6.moe.gov.my/>; atau
- ii. bagi murid lepasan SPM tahun 2020 yang tidak mempunyai capaian internet, pihak sekolah akan memaklumkan keputusan tawaran dan membantu proses pendaftaran.

Bagi murid lepasan SPM 2020 yang memenuhi syarat kemasukan ke Tingkatan Enam tetapi tidak menerima tawaran, permohonan rayuan boleh dibuat secara dalam talian di pautan <https://sst6.moe.gov.my/>. Bagi murid lepasan SPM tahun 2020 yang tidak mempunyai capaian internet, pihak sekolah akan membantu menguruskan rayuan murid. Tempoh rayuan adalah mulai 5 hingga 15 Julai 2021.

Keputusan permohonan rayuan kemasukan ke Tingkatan Enam Semester 1 akan dimaklumkan pada **20 Julai 2021** melalui portal yang sama. Manakala, bagi murid yang tidak mempunyai capaian internet, pihak sekolah akan memaklumkan keputusan permohonan rayuan pada tarikh yang sama.

Sesi pengajian bagi Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021 akan bermula pada **25 Julai 2021** bagi sekolah dalam negeri **kumpulan A** dan pada **26 Julai 2021** bagi sekolah dalam negeri **kumpulan B**.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT -

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

2 JULAI 2021